

| | | | | | |
|-------------|---|----------------|--------|------|-----------|
| Publication | Bernama | Section / Page | Online | Date | 5/8/ 2022 |
| Headline | Untung Bersih Suku Kedua Takaful Malaysia Susut Kepada RM69.62 Juta | | | | |

KUALA LUMPUR, 4 Ogos (Bernama) – Syarikat Takaful Malaysia Keluarga Bhd (Takaful Malaysia) mencatatkan keuntungan bersih yang lebih rendah sebanyak RM69.62 juta bagi suku kedua berakhir 30 Jun, 2022, daripada RM81.54 juta pada suku yang sama tahun lepas.

Hasil, bagaimanapun, meningkat kepada RM831.93 juta daripada RM701.21 juta sebelumnya disebabkan oleh jualan yang lebih tinggi yang dijana daripada perniagaan takaful keluarga dan takaful am, katanya dalam makluman kepada Bursa Malaysia hari ini.

Pada suku dalam tinjauan, ia berkata perniagaan takaful keluarga mencatatkan caruman pendapatan kasar sebanyak RM506.1 juta, lebih tinggi 14 peratus tahun ke tahun, terutamanya disumbangkan oleh jualan yang lebih tinggi daripada produk gadai janji dan berkaitan kredit.

Takaful Malaysia berkata perniagaan takaful amnya menjana caruman pendapatan kasar sebanyak RM232.6 juta, peningkatan sebanyak 18 peratus tahun ke tahun, terutamanya disebabkan oleh kelas kebakaran dan motor.

Sementara itu, operasi Takaful Malaysia di Indonesia menyaksikan hasil operasinya meningkat sebanyak 17 peratus kepada RM72.0 juta pada suku kedua, berbanding RM61.8 juta dalam tempoh yang sama tahun sebelumnya.

"Caruman pendapatan kasar dicatatkan pada RM62.5 juta, lebih tinggi sebanyak 21 peratus, daripada RM51.5 juta dalam tempoh yang sama tahun sebelumnya," katanya.

Mengenai prospek, Takaful Malaysia berkata unjuran Malaysia untuk pemulihan ekonomi yang lebih kukuh pada separuh kedua 2022 agak suram berikutan kelembapan ekonomi global dan tekanan inflasi yang akan berlaku.

"Walaupun dalam persekitaran operasi yang mencabar, kumpulan akan kekal berwaspada dan berhemat dalam menguruskan kos operasi, pertumbuhan perniagaan dan profil risiko bagi portfolio perniagaan kami," katanya.